

Speaking (host)



**KONGSI ILMU:** Antara peserta yang menyertai program KESUMBA.

# 100 peserta sertai program KESUMBA secara dalam talian di Webex, Facebook

Oleh Yap Siong Han

UB 04.07.2021 P. 04

**KOTA KINABALU:** Seramai 100 peserta dari dalam dan luar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengikuti program perkongsian ilmu bertajuk 'Keganasan Rumah Tangga:Corak Punca dan Kaedah Penyelesaian' kelmarin.

Program yang dianjurkan Biro Pendidikan dan Pelajaran Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) itu

diadakan secara dalam talian melalui siaran langsung di aplikasi Webex dan Facebook KESUMBA.

Perkongsian ilmu disampaikan Psikologis Klinikal dan Pengerusi Rumah Tera-tai (Teratak Rahmah Wanita Islam), Hajjah Azlina @Roszsy Mohamad Ghaffar.

Pada sesi itu, beliau mengupas pelbagai isu termasuk aspek keganasan rumah tangga.

"Kita sudah melihat pelbagai laporan keganasan

rumah tangga di media massa termasuk ketika Malaysia sedang dilanda pandemik COVID-19.

"Saya menyeru semua pihak termasuk agensi kerajaan seperti polis, agensi guaman, agensi kesihatan, pejabat agama dan pegawai mahkamah untuk bersama-sama berganding bahu memerangi keganasan rumah tangga," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Program selama dua jam itu antara lain bertujuan

untuk mempertingkatkan kesedaran khususnya wanita dalam menghadapi cabaran keganasan rumah tangga.

Ia telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua KESUMBA, Datin Dr. Amalina Abdullah.

Bagi yang sedang berdepan dengan tekanan, boleh dapatkan sokongan psikososial bersama Pertubuhan Kesajahteraan Psikospiritual Malaysia melalui TalianReachU - 010-2882290.